

Oleh : DATO' SRI MOHD NAJIB TUN ABD RAZAK
Tempat: DATARAN MERDEKA
Tarikh: 31-07-2004
Tajuk : MAJLIS PELANCARAN KEMBARA MERDEKA JALUR GEMILANG 2004

YB. Dato' Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir, Menteri Penerangan Malaysia,

YB. Menteri-Menteri, YB. Timbalan-Timbalan Menteri,

YBhg. Datuk Seri Dr. Arshad Hashim, Ketua Setiausaha Kementerian Penerangan,

YBhg. Dato' Mohamad Salleh bin Rafie, Ketua Pengarah Jabatan Penerangan,

YBhg. Ketua-Ketua Jabatan serta hadirin sekalian,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Selamat Petang,

Marilah kita sama-sama memanjatkan kesyukuran kita ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurniaNya dapat kita berkumpul pada petang ini untuk menjayakan program Kembara Merdeka Jalur Gemilang 2004 yang dianjurkan oleh Jabatan Penerangan Malaysia.

Saudara-saudari yang dihormati sekalian,

Apabila mengimbas kembali detik kemerdekaan negara tanggal 31 Ogos 1957, satu imej yang begitu kekal dalam ingatan rakyat Malaysia ialah laungan kemerdekaan oleh Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj. Ia merupakan satu imej yang segar dan akan sentiasa bersama kita dan generasi akan datang.

Kemerdekaan Malaysia dari penjajahan asing dicapai menerusi perundangan bukan melalui peperangan atau konflik bersenjata. Azam rakyat untuk bebas dari cengkaman penjajah British telah bermula sejak awal tahun 40an apabila munculnya beberapa cerdik pandai seperti pentadbir dan bangsawan Melayu yang menuntut hak-hak mereka yang dahulunya dikuasai oleh Inggeris. Sebenarnya sebelum itu pun sudah ada pejuang-pejuang dan pahlawan-pahlawan Melayu yang menentang penjajah.

Hasil usaha mereka yang berpendidikan ini dan dengan semangat memperjuangkan kemerdekaan negara maka wujudlah Parti Perikatan yang mengandungi Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO), Kongres India Malaysia (MIC) dan Pertubuhan Cina Malaysia (MCA). Parti Perikatan di bawah kepimpinan Almarhum Tunku Abdul Rahman

Putra Al-Haj telah membawa konsep perpaduan, toleransi dan kerjasama ketiga-tiga bangsa sehingga berjaya menuntut kemerdekaan. Sehingga hari ini, melalui Barisan Nasional, semangat dan konsep ini masih bertahan dan terbukti membawa keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan di dalam masyarakat.

Dalam kita menyambut Hari Kemerdekaan, kita tidak boleh mengelak dari merenung kembali kesusahan dan keperitan pejuang-pejuang kemerdekaan kita menuntut kemerdekaan. Ini perlu kita jadikan iktibar kerana semangat, daya juang, komitmen, ketabahan dan kesungguhan pejuang-pejuang kemerdekaan tidak pernah luntur dalam mencapai hasrat mereka. Kini, maruah dan kehormatan bangsa kita berada di tangan kita sendiri. Sejak mencapai kemerdekaan, rakyat Malaysia boleh berbangga dengan pencapaian negara mereka. Namun, masih banyak yang boleh kita lakukan untuk membentuk sebuah negara yang cemerlang, gemilang dan terbilang. Selain itu, tanggungjawab untuk menjamin dan memelihara kemerdekaan ini juga terletak di tangan kita.

Hadirin sekalian,

Sambutan Hari Kemerdekaan merupakan satu cara kita mempertingkatkan lagi semangat rakyat untuk bersama Kerajaan membina sebuah negara yang lebih berjaya. Oleh itu, sempena Bulan Kemerdekaan, banyak program telah diatur untuk menyuntik semangat kemerdekaan ini terus berkekalan dan terus berkobar-kobar.

Program Kembara Merdeka Jalur Gemilang yang dijalankan oleh Jabatan Penerangan Malaysia merupakan satu acara untuk menyemarakkan semangat cintakan negara. Kita berharap seluruh rakyat mengibarkan jalur gemilang sebagai tanda cinta kepada negara ini. Di samping itu berbagai-bagai acara sampingan dijalankan di sepanjang laluan Kembara Merdeka ini untuk memberi penerangan kepada rakyat mengenai kemerdekaan dan tanggungjawab mereka untuk terus memelihara dan menjamin kemerdekaan yang berkekalan. Ia juga bertujuan untuk mengeratkan lagi perpaduan rakyat ke arah perpaduan nasional tanpa ada rasa curiga dan iri hati di kalangan rakyat pelbagai kaum di negara ini.

Saya harap rakyat Malaysia akan bersama dan menyokong usaha untuk memupuk dan menyuburkan lagi semangat kemerdekaan dan cintakan negara. Kempen dan acara seperti ini perlu mendapat sokongan rakyat untuk mencapai matlamatnya. Kita juga hendaklah memperkukuhkan lagi tekad dan azam bagi menghadapi segala rintangan dan cabaran dengan berani dan gigih dengan berbekalkan semangat Malaysia Boleh. Kita mesti mempunyai semangat kenegaraan dan jati diri yang tinggi untuk meningkatkan martabat negara di persada antarabangsa. Kerajaan pula akan sentiasa berusaha untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju seimbang dari segi kemajuan fizikal dan kemajuan kerohanian.

Marilah kita seluruh rakyat sama-sama terus mengibarkan jalur gemilang di rumah, kedai, pada kenderaan, pejabat-pejabat dan

tempat-tempat yang bersesuaian sempena dengan Sambutan Bulan Kemerdekaan ini. Semoga usaha murni ini akan meningkatkan lagi semangat patriotik kita kepada negara dan bersyukur di atas nikmat kemerdekaan dan pembangunan yang dicapai untuk terus menjadikan negara kita negara yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

Dengan ini saya melancarkan Program Kembara Merdeka Jalur Gemilang 2004 dengan rasminya.

Sekian, terima kasih.